

Kasim berdepan pelbagai cabaran sepanjang 33 tahun menjadi bomba

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
SUNGAI BULOH

Hilang kaki kanan kerana panggilan palsu

Akibat panggilan palsu, seorang anggota bomba terpaksa menderita selepas kehilangan kaki kanannya kerana terlibat kemalangan ketika dalam perjalanan ke lokasi didakwa berlaku kebakaran.

Menceritakan peristiwa hampir meragut nyawanya itu, bekas Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bandar Tun Razak, Kasim Ibrahim, 85, berkata, kejadian itu berlaku 33 tahun lalu.

Menurutnya, pasukan bertugas waktu itu menerima panggilan kononnya berlaku kebakaran rumah di Taman Connaught, Cheras pada jam 1 petang.

"Saya kehilangan kaki kanan akibat perbuatan tidak bertanggungjawab seorang individu membuat panggilan palsu atau *prank call* kepada kami (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)."

"Saya bersama lima anggota bergegas ke lokasi kejadian setelah menerima panggilan tersebut.

"Malangnya, jentera bomba model TATA yang kami naiki itu terlibat dalam kemalangan di Jalan Cheras menghala Kajang," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Merbau Sempak di sini baru-baru ini.

Kasim berkata, kemalangan berlaku apabila jentera tersebut terbabas selepas mengelak sebuah lori yang tiba-tiba mengubah haluan.

Ujarnya, ketika kejadian, jentera itu terbalik hingga cermin pecah dan kaki kanannya terkeluar.

"Waktu itu saya duduk di sebelah pemandu, jentera tersebut terbalik, cermin pecah dan kaki kanan saya terkeluar, kenderaan itu kemudian terseret sehingga merempuh sebuah papan tanda," kata Kasim.

Beliau berkata, kaki kanannya tersepit pada tiang papan tanda tersebut.

"Pada ketika itu, rakan sepasukan lain sudah pengsan kecuali Ketua Ahli Bomba, N Lachimaya. Dia segera menghubungi Kawalan Pusat (Pusat Gerakan Operasi Bomba) untuk memaklumkan mengenai kejadian itu.

"Setelah lebih tiga jam menahan kesakitan akibat tersepit, akhirnya saya berjaya dikeluarkan sebelum dihantar ke Hospital Kuala Lumpur untuk rawatan lanjut," katanya.

Kasim berkata, pada masa yang sama, dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Hang Tuah dan BBP Pudu telah pergi ke lokasi kebakaran di Taman Connaught.

"Setelah mereka tiba di lokasi, tiada kebakaran seperti yang dilaporkan, ia hanya panggilan palsu," katanya.

Menurut Kasim, orang awam diingat-



Kasim pernah menjadi Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Tun Razak.



Kasim (kanan) bersama anak buahnya di Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Tun Razak.

kan agar tidak membuat panggilan palsu kepada JBPM kerana ia menyusahkan semua pihak terutama anggota bomba.

"Perbuatan tidak bertanggungjawab tersebut menyusahkan kami, malah hampir meragut nyawa, tugas anggota bomba jangan dibuat main-main," tegasnya.

Anak kelahiran Sungai Buloh itu berkata, sepanjang tempoh beliau berkhidmat dengan JBPM selama 33 tahun, pengalaman tidak boleh dilupakan adalah ketika terlibat dalam operasi memadamkan kebakaran Kompleks Campbell pada 8 April 1976.

"Kejadian itu mula disedari seorang pengawal keselamatan yang bertugas di tingkat dua kompleks selepas ternampak asap keluar daripada sebuah kedai pada kira-kira jam 10.45 malam.

"Ketika itu, kebanyakan kedai sudah ditutup kerana hanya beroperasi sehingga jam 10 malam setiap hari," katanya.

Menurutnya, pengawal keselamatan bersama seorang lagi rakannya cuba memadam kebakaran dengan menggunakan alat pemadam api, namun gagal kerana api marak.

"Pihak Bomba dan Penyelamat mengambil masa lebih 20 jam untuk memadamkan kebakaran bangunan itu, insiden itu merupakan kes kebakaran yang terburuk pernah berlaku di Kuala Lumpur," katanya.

Kompleks Campbell mengandungi podium setinggi empat tingkat yang menempatkan gedung pakaian, kedai kamera, kedai jahit, restoran, sebuah kelab malam dan bangunan pejabat setinggi 20 tingkat.

Beliau berkata, pasukan bomba memasuki bangunan dengan memakai topeng gas dan membawa tangki oksigen untuk operasi menyelamatkan serta memadam kebakaran.

"Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) turut membantu mengawal keadaan, Jalan Campbell di hadapan bangunan



Gambar kenangan bersama barisan pegawai dan anggota di Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Tun Razak.



Suzaini (kiri) menunjukkan sijil Pingat Jasa Bomba yang diterima oleh bapanya.

itu ditutup bagi memudahkan usaha mengawal dan memadam kebakaran," ujarnya.

Mengulas lanjut, Kasim berkata, pengalaman ketika bertugas pada peristiwa 13 Mei 1969 antara pengalaman yang masih segar dalam ingatannya.

"Pasukan Bomba dan Penyelamat terlibat dalam operasi memadamkan kebakaran rumah dan kereta. Saya dapat lihat banyak kemusnahan harta benda pada ketika itu," katanya.

Bapa kepada sembilan anak itu berkata, beliau juga pernah terlibat dalam operasi menyelamatkan mangsa banjir besar di Kuala Lumpur pada 1971.

"Pada ketika itu, anggota bomba bertungkus lumus menyelamatkan serta memindahkan mangsa banjir ke pusat pemindahan sementara," katanya.

Kejadian banjir itu menyebabkan kerajaan membuat pengisytiharan Darurat Banjir Kebangsaan.

Pengisytiharan itu dilakukan pada 5 Januari 1971 oleh Perdana Menteri ketika itu iaitu Tun Abdul Razak kerana kebanyakan tempat di seluruh negara telah ditenggelami air.

Kerajaan juga memberikan bantuan keperluan diri seperti makanan, ubat-ubatan, selimut dan khemah kepada mangsa-mangsa banjir.

Kerjaya sebelum bomba

Kasim berkata, beliau pernah berkhidmat sebagai polis bantuan (SC) selama tiga tahun sejak 1955.

"Saya telah menjalani latihan selama tiga bulan di Tanjung Kling, Melaka dan kemudian ditugaskan di Balai Polis Kajang selepas tamat latihan," katanya.

Kata Kasim, sepanjang tempoh berkhidmat sebagai SC, hanya sekali beliau pernah terserempak dengan tiga askar komunis di sebuah kebun di Kajang.

"Nasib baik tidak berlaku pertempuran kerana askar komunis itu melarikan diri setelah melihat jumlah pasukan kami lebih ramai daripada mereka," ujarnya.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai pegawai penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Mei 1960.

"Ketika itu saya bersama 10 rakan penguat kuasa ditugaskan untuk memantau penjaja yang menjalankan perniagaan di ibu kota," katanya.

Ujar Kasim, beliau hanya bertugas sebagai penguat kuasa DBKL selama tiga bulan, sebelum menghadiri temu duga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

"Pada ketika itu, 100 orang menghadiri temu duga untuk mengisi dua kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh JBPM," katanya.

Beliau kemudian dipanggil untuk menjalani latihan di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Jalan Shaw (Hang Tuah), Kuala Lumpur.

"Operasi pertama yang saya terlibat adalah memadamkan kebakaran sebuah rumah. Dianggarkan tiga panggilan kecemasan diterima setiap hari dan kebanyakannya adalah kes kebakaran rumah.

"Ketika itu, hanya tiga BBP di Kuala Lumpur iaitu BBP Hang Tuah, BBP Sentul dan BBP Pudu," katanya.

Kasim berkata, pengorbanan pegawai dan anggota Bomba dan Penyelamat mesti sentiasa dihargai masyarakat kerana tugas mereka tidak terhad.

"Kita bertindak tidak kira apa juga bentuk insiden dan kecemasan tanpa mengira masa, cuaca, lokasi dan kepentingan diri. Tugas perlu sentiasa didahulukan.

"Kita juga menjalankan tugas tanpa mengira kaum, tua atau muda. Tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan perlu dilaksanakan dengan jayanya," katanya.

Menurut beliau, anggota Bomba dan Penyelamat turut menjalankan khidmat kemanusiaan.

"Pada masa yang sama, kita memainkan peranan dalam mendidik masyarakat tentang pencegahan kebakaran serta keselamatan bermula di peringkat tadika hingga dewasa.

"Kita berharap agar kesedaran itu ber-



Kasim (kanan) ketika majlis perasmian peralatan rentas halangan bersama barisan anggota, pegawai di padang Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Tun Razak.



Kasim (duduk) meluangkan masa bersama keluarganya.

terusan dan dapat membantu individu lain yang memerlukan," katanya.

Menurut Kasim, beliau antara ahli Bomba dan Penyelamat awal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dikenali sebagai *Black Jacket*.

Katanya, hanya ahli bomba di Wilayah Persekutuan dikenali sebagai *Black Jacket* kerana memakai uniform operasi berwarna hitam ketika itu.

Tambah Kasim, beliau ditugaskan di pejabat selepas kemalangan menimpanya sehingga bersara pada 1993.

"Golongan muda yang mahu menjadi anggota Bomba dan Penyelamat adalah pilihan yang tepat kerana ia merupakan salah satu kerja murni membantu masyarakat," ujarnya.

Tugas penuh cabaran

Tugas sebagai anggota Bomba dan Penyelamat mempunyai cabaran dan dugaan tersendiri termasuk berhadapan dengan risiko

Sementara itu, anak ketiga Kasim, Suzaini, 58, berkata, beliau melihat bagaimana bapanya sanggup mempertaruhkan nyawa sendiri demi tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

"Bukan mudah untuk menjadi anggota bomba, mereka juga wira tanpa senjata demi menyelamatkan nyawa orang lain," katanya.

Suzaini berkata, beliau sedang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Jerantut ketika menerima panggilan daripada salah seorang adiknya yang memaklumkan bapa mereka terlibat dalam kemalangan jalan raya.

"Kami sekeluarga kesal dengan sikap individu yang tidak peduli impak panggilan palsu tersebut. Disebabkan panggilan palsu, bapa kehilangan kakinya ketika melaksanakan tugas," katanya.

Bercerita lanjut, Suzaini berkata, salah seorang adiknya, Mohd Razi menjadi anggota Bomba dan Penyelamat serta berkhidmat di Pusat Gerakan Operasi (PGO) Kuala Lumpur.

"Saya pula berkhidmat bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana mahu mengikut jejak langkah bapa yang terlibat dalam pasukan beruniform," katanya.

Beliau berkhidmat dengan PDRM bermula Januari 1985 dan bersara pada Januari 2018 dengan jawatan terakhirnya sebagai Sub Inspektor.

"Saya bangga menjadi anak anggota bomba kerana bapa sanggup memper-taruhkan nyawanya untuk sesiapa sahaja," katanya.

PROFIL

Nama: Kasim Ibrahim
Tarikh lahir: 27 Oktober 1938
Tempat lahir: Kampung Merbau Sempak, Selangor
Umur: 86 tahun
Keluarga: Anak ketiga daripada enam beradik
Anak: 9 orang
Tarikh masuk Jabatan Bomba dan Penyelamat: 1960
Bersara: 1993
Tempat berkhidmat:
1. Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Hang Tuah
2. Balai Bomba dan Penyelamat Sentul
3. Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Tun Razak

Kasim menceritakan pengalamannya sepanjang berkhidmat dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

